

BAH 1 KONTRAKTOR SIRION-METROPOLISAN JUNIOR

Menurut pandangan ahli-ahli ekonomi, setiap usaha yang produktif mestilah dihasilkan daripada 4 faktor utama. 4 faktor ini dipanggil faktor pengeluaran.

Faktor-faktor tersebut ialah:

1. Tanah
2. Modal
3. Pekerja/Tenaga Kerja/Buruh
4. Usahawan

1.1 Tanah

Tanah adalah faktor pengeluaran yang "semulajadi" dan ia menyediakan tapak atau kawasan untuk melaksanakan usaha ekonomi yang produktif. Tanpa tanah, seorang usahawan menghadapi masalah tempat menjalankan perniagaan mereka.

1.2 Modal

Modal ialah segala kelengkapan dan keperluan kerja atau usaha-usaha ekonomi "yang dicipta oleh manusia" seperti alat jentera, perkakas dan peralatan kerja serta wang. Wang merupakan modal utama yang penting di dalam setiap perniagaan. Ini termasuk berbagai bidang seperti bidang pembinaan, pertanian, perkilangan dan lain-lain. Ini kerana wang mempunyai

kaosa beli untuk memproduksi usaha dan membeli kelengkapan dan bahan yang diperlukan.

1.3 Pekerja

Tenaga buruh merupakan salah satu daripada faktor pengeluaran yang utama. Tanpa pekerja, sebanyak mana tanah atau modal yang dipunyai oleh usahawan belum mencukupi untuk menjalankan suatu perniagaan. Dengan adanya pekerja, modal dan tanah, barulah kerja-kerja yang produktif dapat dijalankan. Sungguhpun pada hari ini terdapat banyak alat jentera untuk menjalankan perusahaan, namun manusia masih lagi diperlukan supaya dapat mengawal dan menyelenggarakan kerja sebagaimana yang diharapkan. Kawalan yang berkesan akan hanya dapat dilakukan oleh tenaga fikiran atau gerak-geri manusia yang waras, terlatih dan rasional.

1.4 Keusahawanan

Keusahawanan ialah "tenaga atau kualiti manusia" yang bertanggungjawab membentuk dan menjadikan usaha atau kerja dengan menggunakan faktor-faktor pengeluaran yang lain.

Keusahawanan diperlukan untuk merangka cara-cara untuk menyatukan faktor-faktor pengeluaran bagi menghasilkan kerja dengan secekapnya. Mereka juga

sentiasa selihet dan mengenalpasti. Mempunyai peluang atau kegistan yang sesuai dengan keadaan tenaga bekerja, alat kemudahan serta bantuan di sekitarnya. Mereka juga harus sentiasa peka kepada teknik dan kaedah yang tersokt bagi mendobr dan menguruskan usaha-usahá yang telah diujudkan supaya berjalan lancar dan berkembang maju dari masa ke semasa.

Usahawan adalah manusia yang berdikari, bekerja dan bertindak bebas untuk menyediakan barang-barang dan perkhidmatan. Mereka menjadi penggerak utama kepada perusahaan mereka dan menanggung segala risiko. Jika usaha mereka gagal, mereka terpaksa menanggung kerugian tetapi sebaliknya jika kegiatan tersebut berjaya menghasilkan keuntungan yang lumayan, mereka dapat menilati segala kemewahan.

1.5 Kontraktor Bumiputera

Kontraktor bumiputera juga merupakan usahawan. Mereka menjalankan perniagaan melalui syarikat-syarikat pembinaan. Mereka juga memerlukan 4 faktor pengeluaran iaitu mereka sendiri sebagai usahawan, modal, pekerja dan tanah. Tanah di sini bermaksud tapak projek mereka.

.....Mereka yang ingin menjalankan bisnis mustahil berdaftar dengan Pusat Khidmat Mentraktor (PKM) di Kementerian Perusahaan Awam. Setiap permohonan yang lengkap' diisi mesti disertai dengan bayaran untuk memproses permohonan, bersesuaian dengan kelas yang dipohon, seperti berikut:

Jadual 1

AKTA FEE 1981 PERINTAH FEE (PENDAFTARAN KONTRAKTOR)
1984 (JADUAL :)

Kelain	Fee Proses (\$)
A	100
B	100
Bx	100
C	100
D	50
E	50
Ex	50
F	50

Sumber : 1

**Pusat Khidmat Kontraktor,
Kementerian Perusahaan Utama.**

Mereka yang ingin mendaftar kontraktor mestilah berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) di Kementerian Perusahaan Awam. Borang perrouchon yang lengkap' diai mesti disertai dengan bayaran untuk memproses perrouchon, bersesuaian dengan kelas yang dipilih, seperti berikut:

Jadual 1

AKTA FEE 1981 PERINTAH FEC (PENDAFTARAN KONTRAKTOR)
1984 (JADUAL 1)

Kelas	Fee Proses (\$)
A	100
B	100
Bx	100
C	100
D	50
E	50
Ex	50
F	50

Sumber:

Pusat Khidmat Kontraktor,
Kementerian Perusahaan Utama.

Dari jadual di atas, dapat ionjihat bahawa bayaran keles A hingga ke keles C, bayaran untuk mendaftarkan perusahaan, iaitu sebanyak RM10.00. Sementara itu, bagi keles D sehingga keles F, bayarannya iaitu sebanyak RM50.00. Untuk keles A, B, Bx dan C, kontraktor mesti mendaftar di Pusat Khidmat Kontraktor di Kementerian Perusahaan Awam sementara kontraktor di Keles D hingga F boleh mohon terus ke Pusat Khidmat Kontraktor di cawangan negeri.

1.6 Pembahagian Kelas Kontraktor

Kontraktor-kontraktor kerja awan dibahagikan kepada kelas-kelas yang tertentu berdasarkan had kewangan masing-masing. Terdapat 6 kelas kontraktor, iaitu keles A, B, Bx, C, D, E, Ek dan F. Kontraktor-kontraktor hanya dibenarkan beraftar dalam satu kelas sahaja. Ini adalah kerana terdapat had-had kewangan yang sedia ada.

Pendaftaran untuk keles F adalah dikhaskan untuk syarikat perseorangan Bumiputera dan syarikat-syarikat 100% Bumiputera dari segi pegangan saham, Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja.

Seorang kontraktor hanya layak menyertai tender bagi kelas pendaftaran yang ia punya dimastarkan. Misalnya, seorang kontraktor yang berdaftar di kelas D hanya layak untuk menyertai tender bagi kelas D dan tidak layak untuk menyertai tender bagi kelas-kelas yang lain.

Mengikut Kementerian Perusahaan Utama, kontraktor-kontraktor adalah dibahagikan mengikut had kewangan, iaitu jumlah kos kerja:

Jadual 2

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9/1987

Kelas	Had Kewangan (RM)
A	4,000,001 ke atas
B	2,000,001 - 8,000,000
Bx	1,000,001 - 4,000,000
C	750,001 - 2,000,000
D	150,001 - 750,000
E	100,001 - 350,000
Ex	50,001 - 150,000
F	100,000 ke bawah

Sumber : Pusat Khidmat Kontraktor,

Kementerian Perusahaan Utama.

Kontraktor-kontraktor hendaklah menyatakan kepala-kepala dan sub-kepala yang mereka diidatarkan.

"Kepala-kepala" merupakan usaha-hidang kerja yang berlainan. Menurut Kementerian Perusahaan Utama, mereka dapat 7 kepala yang berlainan. Tiap-tiap kepala pula dibahagikan kepada sub-kepala-sub-kepala yang tertentu.

Berikut ialah penjelasan tiap satu dari kepala-kepala tersebut:-

Kepala I

Terdapat 9 sub-kepala di dalam kepala ini, iaitu termasuk pengorekan, pembinaan jambatan, jeti dan struktur laut, kerja-kerja landasan keretapi, penanaman sesalur dan pembinaan curang untuk Rangkaian Kabel Telefon dan lain-lain. Kebanyakan responden yang ditemui telah mendaftar di bawah kepala I.

Kepala II

Kepala II juga terdapat 9 sub-kepala. Kepala II adalah untuk kerja-kerja bangunan. Sub-kepala yang termasuk dalam kepala II adalah seperti bangunan kayu pasang siap, kerja-kerja bumbung, kerja-kerja penyelegaraan iaitu termasuk penyelenggaraan sistem kebersihan dan pengecatan semula dan pembaikan am-

bengunan. Kerja-kerja yang termasuk kerja-kerja bumbung berpaten, lantai marmer dan blok kayu, kemasan lantai dan dinding dan perabot bina dalam."

Kepala III

Kepala ini dinamakan "Kerja-kerja kejuruteraan mekanikal, pembersihan dan air". Terdapat sebanyak 17 sub-kepala di dalam kepala ini. Ini termasuk sistem penyaman udara, pemasangan lif dan eskalator, pemasangan sistem mencegah kebakaran, pemasangan sistem pengawalan pencemaran udara, pemasangan kelengkapan jentera kilang minyak dan getah, pemasangan peralatan kolam renang dan lain-lain. Kepala ini merupakan kepala yang mempunyai paling banyak sub-kepala. Ramai juga responden yang telah berdaftar di bawah kepala ini.

Kepala IV

Kategori ini dinamakan "Lain-lain Kerja Pakar kejuruteraan Awam" dan mempunyai 10 sub-kepala. Ini termasuk kerja-kerja pengaliran bawah tanah, pemasangan sesalur air, kerja-kerja keluli, kerja-kerja cerucuk, termasuk kerja keluli kayu dan lain-lain.

Kepala V

"Kerja-kerja kuari, membekal logam dan tanah, kerja-kerja angkut dan pengangkutan" adalah tajuk kepala ini. Terdapat hanya 4 sub-kepala, iaitu kerja-kerja memecah batu dan membekal logam, kerja-kerja penggerudi dan meletupkan batu kuari, kerja-kerja membekal tanah dan kerja-kerja angkut dan pengangkutan. Kerja-kerja ini semuanya adalah penting kerana kerja-kerja ini merupakan asas-asas kepada pembinaan satu projek. Misalnya, sebuah projek tidak boleh dijalankan jika tidak dibuat kerja-kerja pecah batu atau kerja-kerja membekal tanah. Oleh itu, tidak hairanlah bahawa kebanyakan kontraktor yang menjalankan projek yang besar mendaftarkan diri dalam kepala V.

Kepala VI

Kepala ini yang bertajuk "Pembangunan Hutan dan Tanah" mempunyai 9 sub-kepala di bawahnya. Ini termasuklah kerja-kerja pemuliharaan hutan, penyediaan dan penyelenggaraan tapak semaihan, kerja-kerja am pertanian dan lain-lain. Didapati tidak begitu ramai responden yang berdaftar di bawah kepala ini kerana mereka bertumpu lebih kepada bidang pembinaan.

Kepala VIII

Kategori ini adalah mengenai "Kerja-kerja Telekomunikasi" dan terdapat hanya 3 sub-kepala. Sub-kepala 1 adalah termasuk penanaman, penyambungan dan pengujian rangkaian kabel sifir, pemasangan sepasang kabel telefon dalam bangunan, pemasangan sistem semboyan yang mengandungi geganti, pemasangan sawar elektrik lengkap dengan isyarat dan lain-lain.

Kesemua lapan kepala merangkumi berbagai-bagai jenis kerja. Apabila permohonan mereka diluluskan, mereka diberi apa yang dipanggil sijil pendaftaran.

Di dalam sijil itu akan dicantik nombor sijil pendaftaran, nama dan alamat syarikat, tempoh sah laku sijil dan kelas dipohon. Di dalam sijil tersebut terdapat juga kepala dan sub-kepala yang diminta oleh kontraktor tersebut.

Apabila tempoh sah laku tamat, maka kontraktor tersebut mestilah membuat permohonan yang baru.

1.7 Cara-cara pendaftaran syarikat kontraktor Bumiputra.

Pendaftaran kontraktor dalam tiap-tiap kelas hendaklah dibuat sama ada di Pusat Khidmat Kontraktor di Kementerian Perusahaan Awam atau Pusat Khidmat Kontraktor di cawangan negeri mengikut kelas mereka.

Sebuah syarikat, koperasi atau perniagaan yang memohon untuk berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor hendaklah terlebih dahulu diperbadankan di negara ini, iaitu berdaftar dengan Pejabat Pendaftar Syarikat, Pejabat Pendaftar Perniagaan atau Pejabat Pendaftar Pembangunan Koperasi, yang mana berkenaan.

Jedual 3

Jumlah modal berbayar bagi kelas dipotong

Kelas	Minima modal berbayar/modal terkumpul (\$)
A	600,001
B	400,001
Bx	200,001
C	100,001
D	35,001
E	17,501
Ex	7,501
F	5,001

Sumber : Pusat Khidmat Kontraktor

Kementerian Perusahaan Utama.

Terdapat beberapa syarat yang mesti dipenuhi supaya sebuah syarikat boleh mendaftar di Pusat Khidmat Kontraktor seperti kelulusan dan pengalaman individu dalam syarikat, loji, peralatan dan lain-lain.

Syarikat yang memohon mesti mempunyai sekurang-kurangnya seorang lulusan teknikal di dalam syarikat, sama ada sebagai Ahli Lembaga Pengarah, Pemegang saham atau kakitangan yang dibayar gaji dan dibayar caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF).

Bagi kelas-kelas yang berlainan, terdapat syarat-syarat kelulusan teknikal yang berlainan. Misalnya, bagi kelas A, B dan Bx, kelulusan teknikal yang diwajibkan adalah ijazah ataupun Diploma Lanjutan yang diiktiraf oleh kerajaan.

Bagi kelas C pula, kelulusan teknikal adalah diploma yang diiktiraf oleh kerajaan dalam bidang yang ada kaitan dengan bidang kerja yang diphon. Bagi kelas D, E, Ex dan F, sijil kursus pemborong dan/atau pengalaman kerja dalam bidang kerja yang diphon adalah mencukupi.

Syarikat tersebut juga mestilah pernah menjalankan kerja dengan baik dalam tempoh masa 5 tahun sebelum mengajukan permohonan pendaftaran.

Syarikat yang mempunyai ekuiti asing, iaitu ekuiti milikan bukan warganegara Malaysia, boleh berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor hanya jika ekuiti asing dalam syarikat tidak melebihi 30% daripada modal berbayar/modal terkumpul syarikat. Syarikat yang mempunyai ekuiti asing dalam syarikat pemohon (tanpa mengira jumlah atau peratusnya) maka dimasa sama juga mestilah ada ekuiti Bumiputera tidak kurang dari 30% daripada modal berbayar/modal terkumpul syarikat.

Apabila mereka hendak mendaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor, mereka hendaklah jelaskan fee pendaftaran mengikut kelas-kelas yang tertentu:

Jadual 4

AKTA FEE 1951 PERINTAH FEE (PENDAFTARAN KONTRAKTOR) 1984 .

Kejas	Fee Pendaftaran
A	5,000
B	3,000
Bx	1,500
C	500
D	250
E	150
Ex	80
F	50

Sumber : Pusat Khidmat Kontraktor,

Kementerian Perusahaan Utama.

Pembayaran ini hendaklah dijelaskan dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat tawaran. Jika tidak, kelulusan yang diberi akan dibatalkan. Pendaftaran ini sah selama 2 tahun sahaja. Permohonan memperbaharui pendaftaran hendaklah dibuat 3 bulan sebelum luput pendaftaran.

Syarikat-syarikat yang memohon taraf Bumiputera hendaklah memenuhi syarat-syarat yang tertentu.

Pertama, majoriti atau sekurang-kurangnya 51% daripada Ahli Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada kaum Bumiputera. Kedua, majoriti atau 51% daripada Ahli Pengurusan terdiri daripada kaum Bumiputera.

Ketiga, majoriti atau sekurang-kurangnya 51% daripada hak-milik saham dimiliki oleh kaum Bumiputera. Keempat, majoriti atau sekurang-kurangnya 51% daripada pekerja-pekerja (perkeranian dan tapak bina) terdiri daripada kaum Bumiputera. Ini adalah menurut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Perusahaan Utama.

Kesemua 20 responden yang ditemui oleh pengkaji merupakan syarikat yang mempunyai taraf Bumiputera. Mereka merupakan kontraktor-kontraktor yang gigih dan cuba bersaing dengan kontraktor-kontraktor dari kaum-kaum yang lain. Tidak dapat dinafikan mereka mempunyai berbagai masalah yang akan dikaji dalam bab-bab akan datang.